

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Rahimin Affandi Abdul Rahim.,
"Transformasi Islam Liberal dalam Konteks Pascamodernisme: Analisis Gerakan
Sosial di Malaysia," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 251-286

TRANSFORMASI ISLAM LIBERAL DALAM KONTEKS PASCAMODERNISME: ANALISIS GERAKAN SOSIAL DI MALAYSIA

THE TRANSFORMATION OF LIBERAL ISLAM IN
THE CONTEXT OF POSTMODERNISM: AN
ANALYSIS OF SOCIAL MOVEMENTS IN
MALAYSIA

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil^{*1}, *Rahimin Affandi
Abdul Rahim*^{**}

*Philosophy and Civilisation Section. School of
Humanities. Universiti Sains Malaysia. 11800. Pulau
Pinang. Malaysia.

**Yayasan Usuluddin Malaysia. B1-10-01 Space U8 Eco
Mall No.6. Persiaran Pasak Bumi Bukit Jelutong. Seksyen
U8 Shah Alam. Malaysia.

Corresponding author:
¹ibrahimmajdi@usm.my

DOI:
[https://doi.org/10.22452/afkar
.vol28no1.7](https://doi.org/10.22452/afkar.vol28no1.7)

Abstract

This article analyzes the transformation of liberal Islamic thought within the context of postmodernism in Malaysia. It examines how liberal Islamic movements have shifted from classical liberalism, characterized by rationalism, individual autonomy, and universalist notions of rights, towards a postmodern orientation marked by epistemic plurality, the deconstruction of traditional religious authority, and plural conceptions of truth. The study traces the historical emergence of Islamic liberalism in Malaysia and examines the influence of postmodern philosophy on the epistemological, axiological, and methodological frameworks of social movements such as Sisters in Islam (SIS), G25, and the Islamic Renaissance Front (IRF). Using a qualitative approach and discourse analysis, the study finds that

Article

History:

Acceptance
date: 12 March
2026
Available
Online: 30 June
2026

Funding: This
research funded
by the
Universiti Sains
Malaysia,
Geran
Penyelidikan
Jangka Pendek-
R501-LR-
RND002-
0000001708-
0000

Competing

interest: The
author(s) have
declared that no
competing
interest exist.

contemporary liberal Islamic movements increasingly critique established forms of religious authority, prioritize contextual interpretations of scripture, and reinterpret inherited normative structures. These developments indicate a deeper philosophical shift from classical Islamic epistemology towards frameworks that emphasize human agency and epistemic diversity, with significant implications for the role of religious institutions within Malay-Muslim society. The study concludes that liberal Islamic movements should be understood not merely as political or social actors, but as expressions of an underlying transformation in contemporary Islamic thought shaped by postmodern intellectual currents.

Keywords: Liberal Islam; postmodernism; Islamic movements; Islamic epistemology; Malaysia.

Khulasah

Artikel ini menganalisis transformasi pemikiran Islam liberal dalam konteks pascamodenisme di Malaysia. Fokus utama diberikan kepada perubahan gerakan Islam liberal daripada kerangka liberalisme klasik yang berasaskan rasionalisme, autonomi individu, dan tuntutan hak sejagat kepada orientasi pascamoden yang ditandai oleh kepelbagaian epistemik, dekonstruksi autoriti keagamaan tradisional, serta konsep kebenaran yang plural. Kajian ini menelusuri sejarah kemunculan liberalisme Islam di Malaysia serta menganalisis pengaruh falsafah pascamodenisme terhadap pendekatan epistemologi, aksiologi, dan metodologi dalam gerakan sosial seperti Sisters in Islam (SIS), G25, dan Islamic Renaissance Front (IRF). Melalui pendekatan kualitatif dan analisis wacana, kajian ini mendapati bahawa gerakan Islam liberal kontemporari semakin mengkritik bentuk autoriti keagamaan yang mapan, mengutamakan pentafsiran nas secara kontekstual, serta mentafsir semula struktur normatif yang diwarisi. Perkembangan ini menunjukkan berlakunya

perubahan falsafah yang lebih mendalam, iaitu peralihan daripada epistemologi Islam klasik kepada kerangka yang menekankan peranan manusia dan kepelbagaian epistemik, sekali gus memberi implikasi signifikan terhadap peranan institusi agama dalam masyarakat Melayu-Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa pemahaman terhadap gerakan Islam liberal perlu dilihat bukan sahaja dari sudut politik dan sosial, tetapi juga sebagai manifestasi transformasi pemikiran Islam kontemporari yang dipengaruhi oleh aliran pascamoden.

Kata kunci: Islam liberal; pascamodenisme; gerakan Islam; epistemologi Islam; Malaysia.

Pengenalan

Kini, gerakan Islam liberal semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Malaysia, khususnya melalui penglibatan aktif pertubuhan seperti Sisters in Islam (SIS), G25, dan Islamic Renaissance Front (IRF). Perhatian ini turut disokong oleh beberapa kajian mutakhir yang menunjukkan bahawa aliran pemikiran liberal telah berkembang di Malaysia pada masa kini, serta semakin membentuk wacana awam berkaitan hak asasi, kebebasan beragama, dan pentafsiran semula teks agama.¹ Gerakan ini juga didapati mempunyai modus operandi yang tersusun serta semakin mempengaruhi pemikiran generasi muda Muslim melalui rangka kerja persepsi, propaganda dan perkadaran, menandakan tahap penerimaan dan keterdedahan yang semakin meluas dalam masyarakat.²

Istilah Islam liberal atau liberalisme Islam muncul sebagai satu kategori pemikiran moden yang menekankan

¹ Siti Wahidah Mustapa & Muhd Najib Abdul Kadir, “Tema Utama Pemikiran Muslim Liberal,” *Jurnal Al-Ummah* 2 (2020), 1. Dalam artikel ini menyebut secara jelas bahawa gerakan pemikiran liberal “telah tersebar dan menular di Malaysia pada hari ini.”

² Norsaleha Mohd Sallehi et al., “Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia,” *Ijistra* 2(2) (2021), 99–101.

kebebasan individu, pembacaan semula teks keagamaan, pluralisme agama, serta pemisahan autoriti agama daripada struktur politik. Dalam wacana akademik kontemporari, istilah ini mula diperkukuh dan dipopularkan melalui karya Charles Kurzman dalam *Liberal Islam: A Sourcebook* (1998), iaitu sebuah antologi penting yang menghimpunkan tulisan sarjana dan aktivis Muslim yang memperjuangkan pembaharuan agama melalui pendekatan liberal.³ Sejak itu, istilah Islam liberal digunakan secara meluas dalam kajian akademik untuk merujuk kepada kecenderungan pemikiran yang mencabar autoriti tradisional melalui pendekatan hermeneutik⁴, relativisme epistemik, dan gagasan reformasi sosial.

Islam liberal lazimnya ditakrifkan sebagai satu bentuk gerakan sosial yang mendukung prinsip-prinsip liberalisme seperti kebebasan individu, keterbukaan dalam tafsiran agama, serta penolakan terhadap autoriti mutlak. Gerakan ini menekankan hak individu dalam menentukan kepercayaan dan amalan beragama, serta mengkritik pendekatan tekstual dan literal terhadap nas-nas agama.

Menurut kajian oleh Siti Wahidah Mustapa dan Muhd Najib Abdul Kadir, fahaman ini turut menekankan kebebasan individu dalam pelbagai aspek kehidupan

³ Charles Kurzman, *Liberal Islam: A Sourcebook* (New York: Oxford University Press, 1998), 3-26.

⁴ Berkaitan asas hermeneutik moden, lihat Friedrich Schleiermacher, *Hermeneutics and Criticism* (Cambridge: Cambridge University Press, 1998), 5–24; Hans-Georg Gadamer, *Truth and Method* (London: Sheed & Ward, 1975), 265–277; Paul Ricoeur, *Interpretation Theory: Discourse and the Surplus of Meaning* (Fort Worth: Texas Christian University Press, 1976), 71–88. Dalam konteks pemikiran Islam kontemporari, pendekatan hermeneutik turut dibangunkan oleh Fazlur Rahman melalui teori “*double movement*”. Fazlur Rahman, *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition* (Chicago: University of Chicago Press, 1982), 5–7; Nasr Hamid Abu Zayd, *Rethinking the Qur’an: Towards a Humanistic Hermeneutics* (Amsterdam: Humanistics University Press, 2004), 7–18.

termasuk agama, ideologi dan politik, yang menurut analisis tertentu dilihat melangkaui batas-batas syarak, selain memperjuangkan tafsiran semula al-Quran, penilaian kritikal terhadap hadis, kebebasan beragama secara mutlak, serta penerimaan terhadap gaya hidup LGBT.⁵

Dalam kajian lain, Ahmad Munawar Ismail dan Zakaria Stapa menunjukkan bahawa pemikiran liberal telah meresap ke dalam sebahagian pemimpin Muslim di Malaysia dan berpotensi menjejaskan keharmonian sosial sekiranya ia hanya berasaskan tafsiran rasional dan kontekstual semata-mata tanpa merujuk kepada autoriti keilmuan Islam.⁶ Tambahan pula, Wan Ismail W. Dagang et al. menegaskan bahawa aliran ini dilihat berpotensi memberi cabaran terhadap akidah dan syariah umat Islam di Nusantara, serta perlu ditangani secara strategik berikutan pengaruhnya yang semakin meluas.⁷

Menyusuri perkembangan wacana akademik terkini, fokus sarjana dilihat semakin meluas dalam mengupas ancaman ideologi liberal ini terhadap budaya kehidupan dan institusi sosial masyarakat Muslim.⁸ Beberapa kajian mutakhir membuktikan bahawa gerakan liberal di Malaysia semakin agresif berselindung di sebalik advokasi hak asasi manusia, kesaksamaan gender, dan pluralisme agama untuk

⁵ Siti Wahidah Mustapa dan Muhd Najib Abdul Kadir, “*Tema Utama Pemikiran Muslim Liberal*,” 1.

⁶ Ahmad Munawar Ismail dan Zakaria Stapa, “Liberalisme dan Pemikiran Pemimpin Muslim di Malaysia,” *Islamiyyat* 41(2) (2019), 39–49.

⁷ Wan Ismail W. Dagang et al., “Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian,” *Sains Humanika* 5(3) (2015), 77; 84–85.

⁸ Mohammad Ikmal Abdul Amir dan Kamarul Azmi Jasmi, “Pengaruh Liberalisme Terhadap Budaya Kehidupan Muslim,” *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan* 6 (2) (2024), 77.

menormalisasikan amalan yang jelas bertentangan dengan syariat.⁹

Walaupun kajian-kajian semasa telah meneliti secara komprehensif ancaman gerakan ini dari sudut sosiologi, perundangan, dan epistemologi teks agama, masih terdapat lompong kajian yang ketara mengenai evolusi landasan falsafah sebenar yang membentuk kerangka pemikiran mereka.¹⁰ Literatur sedia ada kurang menekankan pergerakan asas falsafah kelompok ini yang hakikatnya sedang berevolusi secara berterusan.¹¹ Oleh yang demikian, artikel ini menelusuri lompong tersebut dengan mengalihkan lensa analisis daripada manifestasi zahir gerakan sosial ini kepada transformasi falsafah yang mendasarinya, khususnya peralihan daripada kerangka liberalisme moden kepada orientasi pascamodenisme yang bersifat dekonstruktif dan mementingkan pluraliti kebenaran.¹²

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis wacana sebagai kerangka utama untuk meneliti kedinamikan pemikiran Islam liberal dalam konteks pascamodenisme di Malaysia. Analisis wacana dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti bagaimana bahasa, naratif, dan strategi retorik digunakan oleh aktor-aktor

⁹ Adibah Abdul Rahim, “Liberal Islam and Its Threats to Muslims’ Societies,” *Malaysian Journal for Islamic Studies* 10(1) (2026), 31-32.

¹⁰ Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, & Wan Adli Wan Ramli, Wan Adli, “Falsafah Liberalisme di Malaysia: Satu Sorotan Awal,” *Online Journal of Research in Islamic Studies* 9(2) (2022), 61.

¹¹ Ibrahim Majdi Mohamad Kamil et al., “Falsafah Liberalisme di Malaysia,” 61-72.

¹² Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, “Daripada Falsafah Liberalisme kepada Pascamodenisme: Kajian Awal Peralihan Falsafah di Malaysia,” *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies (IJWCPS)* 1(2024), 38.

gerakan Islam liberal dalam menyampaikan agenda mereka, di samping mengenal pasti ciri-ciri pemikiran pascamodenisme yang terzahir dalam wacana tersebut.

Data kajian dikumpulkan melalui sorotan literatur yang merangkumi karya akademik, artikel jurnal, laporan media, laman sesawang rasmi pertubuhan, serta bahan penerbitan seperti buku, kertas kerja, dan dokumen wacana yang dikeluarkan oleh gerakan-gerakan seperti Sisters in Islam (SIS), G25, dan Islamic Renaissance Front (IRF). Kajian ini juga merujuk kepada kenyataan awam, temu bual, serta seminar yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut sebagai sumber data sekunder.¹³

Pemilihan ketiga-tiga gerakan ini dilakukan secara purposif berdasarkan keterlibatan aktif mereka dalam wacana awam berkaitan Islam, hak asasi manusia, dan reformasi institusi agama. Analisis kandungan wacana memberi tumpuan kepada tema-tema teras yang sering dikaitkan dengan aliran Islam liberal dalam literatur, iaitu pluralisme agama, feminisme dan kesaksamaan gender, sekularisme atau pemisahan autoriti agama daripada ruang awam, dan relativisme kebenaran serta kebebasan tafsiran.

Keempat-empat tema ini dipilih kerana ia dikenal pasti secara konsisten sebagai fokus utama gerakan liberal dalam kajian-kajian kontemporari mengenai Islam liberal di Malaysia, termasuk kajian oleh Siti Wahidah Mustapa dan Muhd Najib Abdul Kadir,¹⁴ Norsaleha Mohd Sallehi et al.¹⁵ dan beberapa kajian lain yang menegaskan bahawa isu-isu tersebut merupakan ciri dominan dalam pemikiran liberal Muslim. Dengan pendekatan ini, kajian ini bukan

¹³ Wan Ismail W. Dagang et al., “Ancaman Pemikiran Aliran”, 77.

¹⁴ Siti Wahidah Mustapa dan Muhd Najib Abdul Kadir, “*Tema Utama Pemikiran Muslim Liberal*,” 8–14; Pluralisme agama, feminisme, kebebasan beragama, dan LGBT sebagai tema dominan.

¹⁵ Norsaleha Mohd Salleh et al., “Modus Operandi,” 96; 99–101. Isu kebebasan individu, relativisme nilai dan penolakan autoriti agama sebagai asas penyebaran liberalisme.

sahaja meneliti isi kandungan wacana yang dibawa oleh gerakan Islam liberal, tetapi juga struktur pemikiran dan falsafah yang mendasari pendekatan mereka. Pendekatan ini penting bagi menilai sejauh mana gerakan-gerakan ini mencerminkan transformasi pemikiran Islam dalam masyarakat pascamoden di Malaysia.

Kelompok Gerakan Islam Liberal Di Malaysia

Gerakan Islam liberal di Malaysia terdiri daripada pelbagai individu dan kumpulan yang membawa pendekatan baharu dalam memahami Islam, khususnya merentas tema-tema yang lazim dikaitkan dengan aliran ini seperti hak asasi manusia, kebebasan beragama termasuk kebebasan menukar agama, serta pentafsiran semula nas melalui pendekatan hermeneutik. Secara umum, kelompok ini didapati banyak dipengaruhi oleh latar pendidikan sekular dan wacana intelektual Barat; justeru, wacana keagamaan yang dibawa sering dilihat tidak selari dengan kerangka epistemologi Islam arus perdana yang berasaskan autoriti wahyu, disiplin usul al-fiqh, ijmak, dan tradisi keilmuan Islam.¹⁶ Dalam masyarakat yang semakin terdedah kepada rasionalisme dan relativisme, wacana Islam liberal semakin mendapat tempat dalam kalangan intelektual dan masyarakat awam, dan sering dibaca oleh sarjana sebagai indikator pertembungan antara tradisionalisme, modernisme dan sekularisme dalam dunia Islam moden.¹⁷

Di Malaysia, gerakan Islam liberal berkembang secara berperingkat, bermula dengan kemunculan individu berorientasikan reformis sebelum membentuk jaringan sosial yang lebih tersusun melalui pertubuhan bukan kerajaan (non-governmental organisations, NGO), institusi

¹⁶ Siti Wahidah Mustapa dan Muhd Najib Abdul Kadir, "*Tema Utama Pemikiran Muslim Liberal*," 2–5.

¹⁷ Peter Riddell, *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses* (Singapore: Oxford University Press, 2001), 101–135.

pemikir, serta platform media alternatif. Walaupun tidak semua aktor ini secara eksplisit menggelarkan diri mereka sebagai “Islam liberal”, kecenderungan kepada tafsiran yang lebih bebas serta pengurangan rujukan kepada autoriti tradisional memperlihatkan pertalian yang jelas dengan pemikiran liberal dan pascamoden.¹⁸

Pengaruh Dana Asing dan Agenda Ideologi dalam Gerakan Islam Liberal

Antara faktor yang mendorong perkembangan gerakan ini ialah saluran dana asing kepada NGO dan institusi pemikir, yang terkait dengan agenda mempromosikan liberalisme, sekularisme dan pluralisme atas nama kebebasan beragama serta hak asasi manusia. Dalam konteks Malaysia, isu ini menjadi ketara apabila muncul inisiatif menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama (IFC). Dokumentasi rasmi yang menghimpunkan kronologi Persidangan Bangi (Februari 2005), teks ucapan serta draf rang undang-undang IFC menunjukkan bahawa IFC dicadangkan sebagai badan nasihat atau pendamaian, dan bukan badan kehakiman, satu butiran yang nyata dalam peruntukan fungsi (sek. 4(2)) draf tersebut.¹⁹ Penjelasan lanjut oleh Malik Intiaz Sarwar yang pada ketika itu merupakan pengerusi jawatankuasa pemandu mengulangi perkara yang sama, sekali gus memperincikan skop IFC sebagai *advisory, consultative and conciliatory*.²⁰ Dalam masa yang sama, wacana awam di peringkat NGO turut mempopularkan naratif “14 tuntutan” yang dikaitkan dengan usaha IFC. Naratif ini menjadi titik kontroversi dalam masyarakat Muslim,

¹⁸ Norsaleha Mohd Salleh et al., “Modus Operandi,” 96.

¹⁹ K. S. Sieh & S. Hadi Abdullah, *The Initiative for the Formation of a Malaysian Interfaith Commission: A Documentation* (Kuala Lumpur: Konrad Adenauer Stiftung, 2007), 133.

²⁰ Malik Intiaz Sarwar, “The Interfaith Commission Initiative in Malaysia: We are committed to dialogue,” *Aliran Monthly*, 25(6) (2005), <https://m.aliran.com/archives/monthly/2005a/6g.html>; accessed on 10 February 2026.

meskipun senarai tersebut tidak terkandung dalam draf teks IFC yang telah didokumentasikan.²¹ Perbezaan antara draf rasmi dan naratif awam inilah yang menyalakan polemik tentang kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan (Perkara 3(1)) dan isu kesamarataan agama di ruang perundangan.

Kajian terkini menegaskan bahawa liberalisme yang melaungkan kebebasan mutlak dan hak asasi manusia telah menyusup masuk ke dalam budaya kehidupan Muslim, membawa bersamanya doktrin pluralisme agama dan relativisme moral yang menggugat asas amalan beragama.²² Perkara ini disokong oleh kajian lain yang memperincikan ancaman ideologi ini apabila pertubuhan seperti Sisters in Islam (SIS) berselindung di sebalik tuntutan keadilan gender dan hak asasi untuk mewajarkan amalan songsang seperti LGBT serta mentafsir semula kewajipan menutup aurat mengikut logik akal semata-mata.²³

Tajdid atau Reformasi? Kekeliruan Konsep dalam Gerakan Islam Liberal

Gerakan liberal juga cenderung menggunakan istilah tajdid (pembaharuan), namun penggunaannya sering dinilai tidak sepenuhnya menepati kerangka tradisi keilmuan Islam. Dalam sejarah Islam, tajdid merujuk kepada usaha pemurnian ajaran daripada unsur taklid dan penyimpangan budaya. Sebaliknya, konsep “reformasi” dalam tradisi Barat pasca-Pencerahan berasaskan kerangka sekular yang cenderung merelatifkan autoriti ketuhanan dalam ruang awam.²⁴ Atas dasar ini, sebahagian wacana liberal

²¹ “Tentang ACCIN – ACCIN,” yang merekodkan naratif “14 tuntutan” dalam wacana awam berkenaan IFC.

²² Mohammad Ikmal Abdul Amir & Kamarul Azmi Jasmi, “Pengaruh Liberalisme,” 77.

²³ Adibah Abdul Rahim, “Liberal Islam”, 32-34.

²⁴ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 15-20; John Gray, *Enlightenment’s Wake:*

mengangkat rasionalisme sebagai sumber tafsir utama serta memperkenalkan pendekatan dekonstruktif terhadap tradisi, langkah yang dari sudut epistemologi arus perdana, mendedahkan gerakan kepada relativisme nilai dan pencairan autoriti.²⁵ Dalam kerangka Islam, syariah diturunkan untuk membimbing manusia mengatasi keterbatasan akal, kecenderungan nafsu dan kekurangan moral, maka tajdid yang sah menuntut pemulihan disiplin ilmu, bukan pemutusan daripadanya.²⁶

Aplikasi konkrit wacana liberal tempatan memperlihatkan beberapa pola. Pertama, pembacaan semula al-Quran serta penilaian kritis terhadap autoriti hadis dan ijmak, misalnya dalam wacana feminisme Islam dan hak asasi manusia. Kedua, cabaran terhadap kerangka autoriti tradisional melalui forum dan wacana intelektual, seperti perdebatan awam yang melibatkan IRF–G25 pada tahun 2017.²⁷ Ketiga, penggunaan naratif hak asasi dan kebebasan individu yang dalam beberapa keadaan dilihat cenderung menjarakkan diri daripada kerangka perundangan serta sejarah sosial Islam tempatan.²⁸ Dalam pembacaan kritis, perkembangan ini lazimnya diletakkan dalam arus pemikiran liberalisme global seperti yang diuraikan dalam Liberal Islam oleh Kurzman, kritikan

Politics and Culture at the Close of the Modern Age (London: Routledge, 1995), 1-3.

²⁵ Ziauddin Sardar, *Postmodernism and the Other: The New Imperialism of Western Culture* (London: Pluto Press, 1998), 13-14; 24-25.

²⁶ Abū Hāmid al-Ghazālī, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, trans. Ahmad Zaki Mansur Hammad in “Abu Hamid al-Ghazali’s Juristic Doctrine in *Al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl* with a Translation of Volume One of *Al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*” (Ph.D Thesis, The University of Chicago, 1987), 16–18.

²⁷ “Kenyataan Media Ketua Pengarah JAKIM Berkenaan Kenyataan Seorang Individu dalam Program Anjuran IRF dan G25,” 25 August 2017; Boo Su-Lyn, “Called ‘Deviant’, Muslim Scholar Says Was Just Challenging Orthodox View on Quran,” *Malay Mail*, 26 August 2017.

²⁸ Norsaleha Mohd Salleh et al., “Modus Operandi,” 98.

orientalisme oleh Said, serta gagasan dekonstruksi dan pluralisme oleh Sardar, walaupun manifestasinya di Malaysia mengambil bentuk yang lebih berhati-hati dan berstrategi.²⁹

Kelompok Gerakan Islam Liberal Di Malaysia: Satu Analisis Epistemologi Dan Aksiologi

Gerakan Islam liberal di Malaysia memperlihatkan kecenderungan yang mendalam terhadap epistemologi sekular Barat yang berpaksikan pandangan dunia sekularisme dalam aspek ontologi, epistemologi, dan aksiologi. Pandangan dunia ini bersifat antroposentrik dan pada asasnya menolak autoriti agama sebagai sumber utama kebenaran. Dalam konteks epistemologi, gerakan ini cenderung menerima falsafah ilmu Barat yang berasaskan paradigma logikal-empirikal dan positivisme, yang mengangkat kaedah saintifik sebagai satu-satunya kaedah yang sah untuk memperoleh pengetahuan yang sahih dan objektif. Sebaliknya, pendekatan berasaskan wahyu sering dianggap tidak saintifik kerana tidak dapat dibuktikan secara empirikal melalui pancaindera. Hal ini mencerminkan pengaruh falsafah moden Barat yang menolak unsur metafizik dan menekankan rasionalisme sebagai asas utama dalam pencarian ilmu.³⁰

Dalam kerangka epistemologi sekular-liberal, warisan kitab turath dilihat sebagai tidak relevan dengan realiti semasa dan perlu ditafsir semula. Mereka beranggapan bahawa sesiapa sahaja yang memahami bahasa Inggeris dan membaca karya sarjana Barat boleh menafsirkan ajaran Islam. Dalam hal ini, mereka lebih cenderung kepada sumber-sumber sekunder yang ditulis dalam bahasa asing, khususnya oleh orientalis Barat,

²⁹ Charles Kurzman, *Liberal Islam*, 3-26; Edward W. Said, *Orientalism* (New York: Vintage Books, 1979), 1-28; Ziauddin Sardar, *Postmodernism and the Other*, 1-16.

³⁰ Fazlur Rahman, *Islam and Modernity*, 6-10.

berbanding dengan rujukan primer dalam bahasa Arab.³¹ Selain itu, terdapat kecenderungan dalam sebahagian wacana untuk menolak hadis sebagai sumber autoritatif dalam Islam. Hadis dalam perspektif ini sering dianggap sebagai hasil konstruksi ulama pasca-Rasulullah yang digunakan untuk mengabsahkan autoriti keilmuan mereka. Malah, tokoh seperti Imam al-Shafi'i turut dikritik kerana memperkenalkan teori hadis sebagai sumber hukum kedua selepas al-Qur'an serta mengasaskan kerangka usul al-fiqh yang dianggap oleh sesetengah pihak sebagai membataskan kebebasan intelektual.³² Hadis juga dilihat sebagai penghalang kepada kemajuan kerana dianggap tidak selari dengan sains moden serta perkembangan sejarah kemanusiaan.³³

Kajian semasa mendedahkan bahawa pemikir liberal menggunakan pendekatan hermeneutik dekonstruktif untuk mencabar tradisi hadis. Mereka didapati sering menafikan kewibawaan kaedah klasik seperti sanad dan matan, sebaliknya, mereka memaksakan tafsiran moral yang bersifat kontekstual ke atas teks wahyu.³⁴

Gerakan Islam liberal juga menolak dominasi ulama ortodoks dan pemerintah yang dianggap memonopoli tafsiran Islam. Gabungan antara autoriti agama dan politik dilihat sebagai alat untuk mengekalkan status quo dan menindas suara-suara yang mencabar dominasi tersebut.

³¹ Louay Safi, *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*, trans. Nur Hadi Ihsan (Petaling Jaya: International Institute of Islamic Thought Malaysia, 1998), 190–199.

³² Jonathan A.C. Brown, *Hadith: Muhammad's Legacy in the Medieval and Modern World* (Oxford: Oneworld, 2009), 45–50.

³³ Rahimin Affandi Abd Rahim, "Isu dan Pengaruh Orientalisme di Malaysia: Satu Analisa," *Jurnal 'Ulum Islamiyyah* 2 (1) (2003), 24; 33; 37.

³⁴ Mohd Nor Adli Osman, "Islam Liberal dan Tradisi Hadis: Dinamika Pemikiran di Malaysia dan Indonesia," *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities* 33(1) (2026), 210-218.

Dalam kerangka ini, tafsiran agama yang bersifat alternatif dianggap sebagai satu bentuk pembebasan daripada hegemoni autoriti tradisional.³⁵ Dari sudut metodologi, gerakan ini memperkenalkan pendekatan tafsiran baru yang lebih berani dan bersifat dekonstruktif. Pendekatan ini menafikan kesucian teks wahyu dan menganggapnya sebagai produk sejarah yang terikat pada konteks sosial dan budaya tertentu.³⁶ Dalam usaha mentafsir semula al-Quran, mereka menggunakan pendekatan hermeneutik Barat yang berasaskan falsafah *higher criticism*, iaitu pendekatan yang asalnya digunakan untuk mengkritik Bible dan kini diaplikasikan kepada al-Quran.³⁷

Falsafah *higher criticism* ini membawa beberapa andaian asas yang mencabar *worldview* Islam. Antaranya ialah anggapan bahawa agama adalah fenomena tidak saintifik dan tidak boleh dijadikan asas dalam kajian ilmiah. Sejarah hanya boleh difahami melalui bukti fizikal dan empirikal, manakala unsur ghaib ditolak. Akal menjadi satu-satunya alat untuk memahami realiti, dan wahyu tidak lagi dianggap sebagai sumber ilmu yang sah. Semua kebenaran agama adalah relatif dan boleh dicabar melalui kaedah falsifikasi seperti yang dikemukakan oleh Karl Popper.³⁸ Selain itu, terdapat juga usaha untuk menilai semula konsep sunnah Rasulullah berdasarkan konteks sejarahnya, serta menurunkan status Rasulullah dan ulama salaf kepada tokoh biasa yang boleh dikritik. Syarat-syarat mujtahid yang ditetapkan oleh fuqaha' silam juga dipersoalkan dan dianggap perlu diperbaharui secara liberal. Dalam kerangka ini, proses ijtihad tidak lagi terikat

³⁵ Edward Said, *Orientalism*, 273–275.

³⁶ Nasr Hamid Abu Zayd, *Reformation of Islamic Thought* (Amsterdam: Amsterdam University Press, 2006), 33–40.

³⁷ Mohd Natsir Mahmud, *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)* (Semarang: DIMAS, 1997), 10–12.

³⁸ Karl Popper, *The Logic of Scientific Discovery* (London: Routledge, 2002), 40–45.

kepada disiplin ilmu tradisional, tetapi lebih kepada kebebasan individu dalam mentafsir agama mengikut konteks semasa.³⁹

Dari sudut aksiologi, gerakan ini cenderung pada budaya humanisme dan *sensate culture*, yang menjadikan akal dan nafsu sebagai neraca utama dalam menentukan nilai dan etika. Prinsip-prinsip seperti *vitalisme*, kreativiti, relativisme, hedonisme dan prinsip majoriti menjadi asas dalam penilaian moral dan sosial mereka. Dalam kerangka ini, sesuatu dianggap baik sekiranya ia membawa keuntungan material, mencetuskan kreativiti, memuaskan kehendak nafsu, atau disukai oleh majoriti masyarakat. Nilai-nilai ini bertentangan dengan prinsip-prinsip etika Islam yang berasaskan wahyu dan syariat. Keseluruhannya, pendekatan epistemologi dan aksiologi gerakan Islam liberal di Malaysia mencerminkan pengaruh mendalam falsafah pascamodenisme dan sekularisme Barat. Ia bukan sahaja mencabar struktur epistemologi Islam tradisional, tetapi juga menimbulkan persoalan besar terhadap autoriti agama dalam masyarakat Melayu-Islam kontemporari. Pemahaman terhadap gerakan ini perlu dilihat bukan sekadar sebagai fenomena politik atau sosial, tetapi sebagai manifestasi perubahan falsafah yang lebih mendalam dalam landskap pemikiran umat Islam masa kini.

Liberalisme Hak Asasi dan Cabaran terhadap Autoriti Islam

Gerakan Islam liberal di Malaysia turut memperlihatkan kecenderungan yang kuat terhadap konsep hak asasi manusia Barat, yang sering kali diterapkan tanpa mengambil kira konteks sejarah dan sosio-budaya masyarakat Melayu-Islam. Hak asasi manusia menuntut kesamarataan mutlak antara semua individu tanpa mengira latar belakang agama, budaya, atau sejarah. Prinsip ini telah

³⁹ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 71–72.

cuba diterapkan dalam konteks Malaysia oleh kelompok Islam liberal, yang melihat sebarang bentuk keistimewaan atau autoriti agama sebagai penghalang kepada kebebasan individu. Antara manifestasi utama kecenderungan ini ialah penolakan terhadap latar belakang sejarah sosial dalam usaha membentuk idealisme liberalisme dalam masyarakat majmuk Malaysia. Dalam hal ini, pelbagai simbol dan institusi Islam telah dipersoalkan kerana dianggap menghalang agenda liberalisme. Sebagai contoh, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam liberal telah mengemukakan tuntutan yang mencabar struktur sosiopolitik sedia ada. Antaranya termasuklah tuntutan Majlis Antara Agama (*Inter-Faith Council*) agar kerajaan menyamaratakan kedudukan semua agama di Malaysia, tanpa mengira Islam atau bukan Islam. Selain itu, terdapat juga usaha mencabar keistimewaan hak bumiputera Melayu-Islam atas dasar ia bertentangan dengan prinsip kesamarataan hak asasi manusia. Dalam kes-kes seperti Ayah Pin, Artikel 11, Lina Joy, dan Kamariah Ali, terdapat sokongan terbuka terhadap hak individu untuk murtad dan mempertahankan kebebasan beragama melalui saluran perundangan.⁴⁰

Gerakan ini turut menyebarkan idea pluralisme agama, iaitu pandangan bahawa semua agama memiliki kedudukan yang setara di sisi Tuhan dan berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan manusia sejagat. Pada masa yang sama, mereka turut mengkritik implikasi psikologi dan aspek perundangan yang dihadapi oleh individu bukan Islam yang memeluk Islam, di samping menolak pelaksanaan hukum hudud yang dianggap tidak relevan dengan zaman moden dan bersifat menekan terhadap golongan bukan Islam. Kesemua ini

⁴⁰ Rahimin Affandi Abd Rahim, "Islam dan Perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka: Satu Analisis," in *Emosi Melayu*, ed. Hashim Musa (Kuala Lumpur: APMUM, 2006), 405–425.

mencerminkan satu bentuk penolakan terhadap dominasi Islam sebagai asas identiti dan struktur sosial masyarakat Melayu.⁴¹ Selain itu, terdapat juga usaha untuk mempertikaikan sumbangan positif proses Islamisasi dalam sejarah Alam Melayu. Sebaliknya, mereka menyanjung tinggi impak penjajahan British yang kononnya telah memperkenalkan rasionaliti saintifik dan membebaskan masyarakat Melayu daripada pemikiran tradisional yang kolot. Malah, penjajah British dikatakan berjaya menghapuskan sistem kasta yang wujud dalam masyarakat Melayu, sekaligus memperkukuh naratif bahawa Islamisasi membawa kemunduran.⁴²

Dalam kerangka ini, gerakan Islam liberal berusaha keras mendukung agenda liberalisme dalam setiap aspek kehidupan manusia. Gerakan ini pada asalnya membawa pemikiran liberalisme klasik, dan seterusnya dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme. Oleh itu, kajian ini meneliti bagaimana liberalisme yang bersifat rasional dan individualistik telah mengalami transformasi apabila digabungkan dengan elemen pascamoden yang lebih relatif dan dekonstruktif. Falsafah pascamodenisme ini berkembang melalui jaringan sosial gerakan Islam liberal, yang menjadikan mereka sebagai medium penyebaran idea-idea baharu dalam masyarakat Islam kontemporari.⁴³

Antara idea utama dalam falsafah liberalisme ialah rasionalisme, iaitu pendekatan yang mengangkat akal sebagai sumber utama kebenaran dan menilai sesuatu ajaran berdasarkan pertimbangan intelektual. Dalam tradisi

⁴¹ Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, “Hak Asasi Manusia dan Demokrasi dari Perspektif Islam dan Barat,” in *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, ed. Mohd Izani Mohd Zain (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 106–112.

⁴² Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, “Hak Asasi Manusia dan Demokrasi,” 106–112.

⁴³ Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, “Hak Asasi Manusia dan Demokrasi,” 106–112.

falsafah Barat, rasionalisme dibentuk oleh tokoh seperti René Descartes, Baruch Spinoza dan Gottfried Wilhelm Leibniz yang menegaskan bahawa pengetahuan sejati mesti berasaskan prinsip deduktif yang jelas dan tidak bergantung sepenuhnya kepada autoriti tradisi atau pengalaman deria. Selari dengan pandangan ini, Ahmad Sunawari Long menjelaskan bahawa sikap rasionalis menolak kepercayaan agama atau amalan yang dianggap tidak mempunyai asas hujah yang rasional, termasuk kepercayaan tradisional yang dinilai tidak logik atau bersifat prejudis.⁴⁴

Idea kedua ialah sekularisme, yang menurut Muhammad Qutb, merupakan pemisahan antara urusan duniawi dan keagamaan. Dalam konteks ini, agama tidak lagi memainkan peranan dalam kehidupan awam dan hanya terhad kepada ruang peribadi. Harvey Cox, seorang ahli teologi Barat, menyifatkan sekularisasi sebagai satu bentuk kebebasan dalam agama Kristian dan menegaskan kepentingan mempertahankan sekularisme dalam masyarakat moden.⁴⁵ Idea ketiga ialah kebebasan mutlak, yang turut menjadi asas kepada pemikiran liberalisme. John Locke, salah seorang tokoh utama falsafah liberal, menyatakan bahawa manusia memiliki kebebasan mutlak untuk melakukan apa sahaja yang dirasa sesuai, selagi tidak melanggar hak orang lain. Kebebasan ini tidak terikat pada sebarang norma tetap, termasuk norma agama.⁴⁶ Ketiga-tiga asas pemikiran ini, iaitu rasionalisme, sekularisme, dan kebebasan mutlak, telah mempengaruhi gerakan Islam

⁴⁴ Ahmad Sunawari Long, *Sejarah Falsafah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 93–94.

⁴⁵ Muḥammad Qutb, *Madāhib Fikriyyah al-Mu’āṣarah* (Cairo: Dar al-Shuruq, 1983), 55–60; Harvey Cox, *The Secular City: Secularization and Urbanization in Theological Perspective* (New York: Macmillan Company, 1967), 15–20.

⁴⁶ John Locke, *The Second Treatise of Government* (Cambridge: Cambridge University Press, 1960), 4–6.

liberal dalam memperjuangkan hermeneutik⁴⁷ tafsiran teks agama secara bebas, feminisme yang menuntut kesamarataan gender, pluralisme agama, dan demokrasi liberal. Di Malaysia, perkembangan ini berkait rapat dengan pertembungan pemikiran dalam era pascakolonial dan perjuangan nasionalisme, yang membuka ruang kepada wacana alternatif terhadap Islam tradisional.⁴⁸ Dalam artikel ini, kajian mendapati bahawa liberalisme di Malaysia mula berubah daripada konsep-konsep yang disebutkan.

Transformasi Pemikiran Islam Liberal Dan Pascamodenisme di Malaysia

Gerakan Islam liberal di Malaysia telah melalui transformasi signifikan daripada pengaruh liberalisme klasik kepada pendekatan pascamodenisme yang lebih kompleks dan tersirat. Pada peringkat awal, liberalisme di Malaysia banyak dipengaruhi oleh rasionalisme, sekularisme, dan kebebasan individu. Namun, sejak dekad 1990-an, falsafah pascamodenisme mula memberi kesan yang lebih mendalam, khususnya dalam aspek pluralisme agama, feminisme, dan dekonstruksi autoriti agama. Berbeza dengan konteks Indonesia yang lebih terbuka, gerakan Islam liberal di Malaysia berkembang secara lebih berhati-hati dan strategik, sering berselindung di sebalik wacana hak asasi manusia dan reformasi institusi.

Sejarah perkembangan liberalisme di Malaysia turut menunjukkan kesinambungan dengan gerakan awal abad

⁴⁷ Tentang asas hermeneutik moden, lihat Friedrich Schleiermacher, *Hermeneutics and Criticism*, 5–24; Hans-Georg Gadamer, *Truth and Method*, 265–277; Paul Ricoeur, *Interpretation Theory*, 71–88. Dalam konteks pemikiran Islam kontemporari, pendekatan hermeneutik turut dibangunkan oleh Fazlur Rahman melalui teori “double movement”, lihat Fazlur Rahman, *Islam and Modernity*, 5–7; serta Nasr Hamid Abu Zayd, *Rethinking the Qur’an*, 7–18.

⁴⁸ Rahimin Affandi Abd Rahim, “*Islam dan Perkembangan Emosi*”, 420–425.

ke-20 seperti konflik antara Kaum Tua dan Kaum Muda, di mana unsur pemikiran liberal telah mula muncul walaupun tidak secara terang-terangan.⁴⁹ Dalam konteks kontemporari, gerakan ini diterajui oleh golongan kelas menengah dan profesional yang menggunakan pengaruh sosial dan intelektual untuk menyebarkan idea-idea liberal dan pasca moden dalam masyarakat. Falsafah pascamodenisme yang menolak naratif besar, autoriti mutlak, dan kebenaran tunggal telah menjadi asas kepada pendekatan baharu gerakan ini. Mereka memperjuangkan tafsiran semula teks agama secara hermeneutik, pluralisme agama, feminisme Islam, dan demokrasi liberal. Walaupun tidak semua pendukungnya secara eksplisit mengaku terpengaruh dengan pascamodenisme, pendekatan mereka jelas mencerminkan ciri-ciri falsafah tersebut. Gerakan ini tidak lagi sekadar bersifat politik, tetapi telah menjadi satu bentuk pemikiran yang mencabar struktur epistemologi dan autoriti agama dalam Islam. Dalam konteks ini, pendekatan Islam liberal yang dipengaruhi pascamodenisme perlu dinilai secara kritikal agar tidak mengaburkan batas antara pembaharuan yang sah dan kekeliruan ideologi⁵⁰.

Dari dimensi evolusi dan landasan falsafah, gerakan liberalisme di Malaysia tidak muncul secara tiba-tiba, sebaliknya, ia merupakan kesinambungan ideologi era kolonial yang kini digerakkan oleh golongan profesional dan elit sebagai sebuah gerakan sosial yang tersusun.⁵¹ Perkembangan ini dikupas lebih mendalam dalam kajian susulan yang mengkonseptualisasikan bahawa wacana Islam liberal kini sedang melalui fasa

⁴⁹ W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967), 112–115.

⁵⁰ Mohamad Kamil Hj Ab Majid, *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme dan Konservatisme di Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2011), 207.

⁵¹ Ibrahim Majdi Mohamad Kamil et al. “Falsafah Liberalisme di Malaysia,” 66.

transisi falsafah yang baharu, iaitu peralihan daripada asas liberalisme moden kepada orientasi pascamodenisme.⁵² Pascamodenisme ini dilihat bertindak secara agresif dalam meruntuhkan naratif kebenaran mutlak (agama) dan mempromosikan kepelbagaian kebenaran yang bersifat relatif.⁵³

Gerakan Islam Liberal Sebagai Agen Pascamodenisme: Analisis Pengaruh Terhadap Wacana Agama di Malaysia

Gerakan sosial merupakan satu bentuk aktiviti kolektif yang terancang, bertujuan untuk mendorong atau menolak perubahan sosial dalam masyarakat. Dalam konteks ini, gerakan Islam liberal di Malaysia boleh dilihat sebagai satu bentuk gerakan sosial yang berusaha membawa perubahan terhadap kefahaman agama, khususnya melalui pengaruh falsafah pascamodenisme. Gerakan ini bukan sahaja mencabar struktur epistemologi tradisional Islam, malah turut mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terhadap gerakan Islam liberal. Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan untuk menilai gerakan-gerakan ini berdasarkan falsafah yang mendasari pendekatan dan metodologi mereka. Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang sering dikaitkan dengan gerakan Islam liberal di Malaysia masa kini termasuklah *Sisters in Islam* (SIS), G25, dan *Islamic Renaissance Front* (IRF). Ketiga-tiga entiti ini aktif dalam mengangkat pelbagai isu semasa yang melibatkan komuniti Melayu-Islam, meskipun masing-masing menampilkan pendekatan dan keutamaan yang tersendiri.

SIS, misalnya, lebih menumpukan kepada isu-isu gender dan feminisme; G25 pula lebih cenderung kepada

⁵² Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, “Daripada Falsafah Liberalisme kepada Pascamodenisme,” 26.

⁵³ Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, “Daripada Falsafah Liberalisme kepada Pascamodenisme,” 38.

reformasi institusi dan tadbir urus Islam; manakala IRF menekankan wacana intelektual dan pluralisme agama. Ketiga-tiga gerakan ini menunjukkan ciri-ciri pemikiran pascamodenisme dalam pendekatan mereka, walaupun dalam bentuk dan tahap yang berbeza.⁵⁴ Gerakan-gerakan ini tidak hanya berfungsi sebagai entiti advokasi, tetapi juga sebagai agen perubahan sosial yang mencabar autoriti agama tradisional dan membuka ruang kepada tafsiran alternatif terhadap Islam. Dalam hal ini, mereka menggunakan pendekatan yang menekankan kebebasan individu, relativisme kebenaran, dan penolakan terhadap autoriti mutlak di mana semua ini merupakan ciri utama falsafah pascamodenisme. Oleh itu, penulisan ini melihat pentingnya untuk memahami gerakan-gerakan ini bukan sekadar dari sudut aktivisme sosial, tetapi juga sebagai manifestasi falsafah yang lebih mendalam yang sedang berkembang dalam masyarakat Islam kontemporari di Malaysia.

Sisters in Islam (SIS): Feminisme Islam dan Pengaruh Pascamodenisme

Sisters in Islam (SIS) dikenali sebagai antara gerakan sosial yang aktif dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan hak wanita dan kanak-kanak di Malaysia. Gerakan ini merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang memperjuangkan agenda feminisme Islam dengan memberi penekanan kepada isu keadilan gender, hak asasi wanita, serta reformasi undang-undang keluarga Islam. Dalam konteks ini, usaha SIS dalam membela hak wanita dan kanak-kanak dilihat sebagai satu inisiatif yang selaras

⁵⁴ Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, “Pandangan William R. Roff Terhadap Intelektual Melayu Muslim (Aliran Kaum Tua dan Kaum Muda) dalam Buku *The Origins of Malay Nationalism* dan Perkembangannya” (Dissertation of Master of Social Sciences, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 87.

dengan prinsip keadilan sosial yang turut diangkat dalam Islam. Namun begitu, kajian ini mendapati bahawa SIS turut memperlihatkan pendekatan yang mencerminkan ciri-ciri liberalisme Islam, khususnya dalam tafsiran nas-nas al-Quran dan hadis yang berasaskan perspektif feminis tertentu. Dalam laman sesawang rasmi mereka, SIS menyatakan bahawa undang-undang Islam di Malaysia didapati menafikan hak-hak wanita Muslim dan bersifat tidak seimbang terhadap lelaki.⁵⁵

Kenyataan ini mencerminkan pendekatan kritikal terhadap struktur autoriti agama dan perundangan Islam sedia ada, yang merupakan salah satu ciri utama falsafah pascamodenisme iaitu penolakan terhadap autoriti mutlak dan naratif dominan.

SIS juga sering mengkritik institusi agama seperti jabatan agama negeri dan institusi fatwa, yang dilihat sebagai tidak responsif terhadap isu-isu keadilan gender. Kritikan ini menunjukkan kecenderungan kepada pendekatan dekonstruktif yang menolak autoriti tradisional dalam pentafsiran agama. Tambahan pula, SIS turut mengamalkan metodologi tafsiran yang bersifat bebas, dengan melakukan ijtihad terhadap nas-nas al-Quran dan Hadis berdasarkan kerangka feminisme. Dalam hal ini, mereka dilihat telah melanggar prinsip autoriti ilmu dalam tradisi Islam, yang menekankan keperluan kepada kelayakan dan disiplin ilmu tertentu dalam melakukan ijtihad.⁵⁶ SIS juga dikenali sebagai sebuah pertubuhan yang dianggotai oleh individu-individu berpendidikan tinggi dan berpengaruh, termasuk bekas pegawai kerajaan, peguam, wartawan, aktivis sosial, dan ahli akademik. Komposisi ini

⁵⁵ Sisters in Islam, “Malaysia: The Sisters in Islam (SIS) Story, *Europe Solidaire Sans Frontieres*, 29 November 2016, accessed on 26 July 2019, <https://www.sistersinislam.org.my/page.php?35>.

⁵⁶ Senem Gürkan, “The Junction Point of Islam and Feminism: SIS (Sisters in Islam), an Islamic Feminist Organization,” *Zeitschrift für die Welt der Türken* 10(1) (2018), 278, 283–284.

memberi kelebihan kepada SIS dalam menyampaikan mesej mereka kepada masyarakat umum, khususnya melalui media dan wacana awam.

Namun, pendekatan mereka yang bersifat liberal dan kritikal terhadap autoriti agama telah menimbulkan kontroversi, terutamanya dalam kalangan institusi agama dan masyarakat konservatif. Walaupun usaha SIS dalam memperjuangkan hak wanita adalah selari dengan semangat keadilan dalam Islam, pendekatan mereka yang bebas dalam menafsirkan teks-teks agama tanpa merujuk kepada autoriti tradisional menimbulkan persoalan epistemologi yang serius. Dalam konteks ini, SIS dilihat sebagai salah satu contoh gerakan Islam liberal yang dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme, khususnya dalam aspek relativisme tafsiran, penolakan autoriti, dan penekanan terhadap kebebasan individu.⁵⁷

G25 Malaysia: Wacana Kesederhanaan atau Pascamodenisme Terselindung?

G25 Malaysia (G25) merupakan sebuah kumpulan yang pada asalnya terdiri daripada 25 individu Melayu-Muslim yang berpengaruh dan berpengalaman dalam pelbagai bidang, termasuk sektor kerajaan dan swasta. Kumpulan ini memperkenalkan diri mereka sebagai suara masyarakat sivil yang memperjuangkan pendekatan wasatiyyah dalam hal ehwal keagamaan dan kenegaraan. Mereka menekankan bahawa pentadbiran negara, termasuk dalam aspek agama, seharusnya selaras dengan Perlembagaan

⁵⁷ Abdussalam Muhammad Shukri dan Musa Yusuf Owoyemi, “Sisters in Islam’s Quest for the Reinterpretation of the Qur’an and Hadith: An Analysis of Their Views on Equality, Women Judges, and Polygamy,” *Kajian Malaysia* 32(1) (2014), 75–76; Munif Zarriruddin et al. “Religious Liberalism in Sisters in Islam Discourse: An Analysis on Identification” (Paper presented in the International Conference on Social Science Research (ICSSR), Pulau Pinang, 4–5 June 2013).

Persekutuan yang menjamin hak kebebasan beragama dan kebebasan bersuara.⁵⁸

Namun begitu, terdapat beberapa tindakan dan kenyataan G25 yang menimbulkan persoalan terhadap sejauh mana pendekatan mereka benar-benar berlandaskan prinsip wasatiyyah Islam. Antaranya ialah tuntutan agar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dimansuhkan dan akaunnya diaudit semula. Walaupun penambahbaikan institusi agama adalah sesuatu yang wajar, cadangan pemansuhan JAKIM dilihat sebagai satu langkah yang boleh menghakis autoriti agama di Malaysia.⁵⁹ Kontroversi lain yang turut mencetuskan perdebatan ialah kenyataan G25 bahawa kesalahan khalwat merupakan urusan peribadi dan tidak seharusnya dihukum oleh pihak berkuasa agama. Pandangan ini mencerminkan pengaruh falsafah pascamodenisme dan sekularisme, yang menekankan kebebasan individu dan menolak campur tangan autoriti dalam urusan moral peribadi. Kenyataan ini juga menunjukkan kecenderungan untuk memisahkan antara nilai agama dan hak individu, satu ciri utama dalam pemikiran pasca moden.⁶⁰

Selain itu, dalam surat terbuka bertajuk “*Debate and Discourse on Islamic Law*”, G25 mempersoalkan undang-undang Islam yang dianggap terlalu ekstrem dan bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia. Mereka turut mengkritik pelbagai isu lain seperti pelaksanaan undang-undang khalwat, pemakaian tudung, pertindihan bidang kuasa mahkamah syariah dan sivil, serta tindakan serbuan oleh jabatan agama. Kesemua ini dikritik atas dasar kononnya menyekat kebebasan individu dan melanggar

⁵⁸ G25 Malaysia, “About Us,” *G25 Malaysia*, accessed on 26 July 2019, <https://www.g25malaysia.org/about-us-1>.

⁵⁹ Nur Farhana Abdul Rahman, “Autoriti Agama di Malaysia: Kedudukan dan Kritikan,” *International Journal of Islamic Thought* 14 (2018), 73.

⁶⁰ Nur Farhana Abdul Rahman, “Autoriti Agama di Malaysia,” 73.

prinsip kebebasan beragama yang dijamin oleh Perkara 11 Perlembagaan Malaysia.⁶¹ G25 mendakwa bahawa perjuangan mereka adalah berlandaskan prinsip kesederhanaan (*wasatiyyah*), namun penulisan ini mendapati bahawa banyak kenyataan dan tindakan mereka mencerminkan pengaruh falsafah pascamodenisme. Ini termasuklah penolakan terhadap autoriti agama, relativisme moral, dan penekanan terhadap kebebasan individu tanpa batasan.

Dalam konteks ini, G25 boleh dikategorikan sebagai salah satu bentuk gerakan Islam liberal yang dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme, walaupun mereka tidak secara langsung mengakuinya. Kecenderungan G25 untuk menuntut kebebasan dalam semua aspek kehidupan, termasuk dalam hal-hal yang jelas bertentangan dengan prinsip syariah, menunjukkan bahawa perjuangan mereka lebih dekat dengan ideologi liberal-pasca moden berbanding dengan prinsip *wasatiyyah* Islam yang sebenar. Oleh itu, penulisan ini menjustifikasikan bahawa G25 merupakan salah satu contoh gerakan sosial kontemporari di Malaysia yang membawa pengaruh falsafah pascamodenisme dalam wacana Islam.

Islamic Renaissance Front (IRF): Wacana Intelektual dan Pengaruh Pascamodenisme

Islamic Renaissance Front (IRF) ialah sebuah organisasi sosial yang ditubuhkan oleh Dr. Ahmad Farouk Musa, seorang pengamal perubatan dan pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi swasta tempatan. IRF telah dilancarkan secara rasmi pada 12 Disember 2009 oleh Tariq Ramadan, seorang sarjana Islam terkemuka di Eropah yang juga merupakan cucu kepada pengasas gerakan *Ikhwanul*

⁶¹ Nur Farhana Abdul Rahman, “*Autoriti Agama di Malaysia*,” 73.

Muslimin., Hassan al-Banna.⁶² Sejak penubuhannya, IRF telah tampil sebagai sebuah gerakan yang menyeru kepada kebangkitan semula Islam melalui pendekatan intelektual yang menolak ortodoksi dan konservatisme. Visi utama IRF adalah untuk memperbaharui pemikiran Islam agar lebih sesuai dengan realiti masyarakat moden yang pluralistik. Mereka mendakwa membawa agenda Islah dan Tajdid melalui wacana-wacana ilmu, seminar, dan penerbitan buku. Walaupun pada zahirnya IRF menampilkan imej sebagai gerakan reformis, kajian ini mendapati bahawa pendekatan dan kandungan wacana mereka menunjukkan pengaruh yang kuat daripada falsafah pascamodenisme. Ini dapat dilihat melalui kecenderungan mereka untuk menjemput tokoh-tokoh yang dikenali dengan idea-idea liberalisme Islam, seperti Chandra Muzaffar, Mustafa Akyol, Dr. Mun'im Sirry, dan Zainah Anwar.⁶³

Wacana-wacana yang dianjurkan oleh IRF sering membawa tajuk-tajuk yang mencabar naratif tradisional Islam, dan dalam beberapa kes, mencetuskan polemik dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, dalam satu program anjuran IRF, Dr. Mun'im Sirry telah mengemukakan tafsiran baharu terhadap al-Quran yang bertentangan dengan pandangan jumhur ulama, termasuk dakwaan bahawa al-Quran tidak relevan dan diturunkan di Mesopotamia. Kenyataan ini telah mendapat bantahan keras daripada pelbagai pihak, termasuk Mufti Perlis, Dr. Asri Zainul Abidin, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), serta beberapa mufti negeri dan NGO Islam.⁶⁴

⁶² Islamic Renaissance Front, “Introduction”, *Islamic Renaissance Front*, accessed on 10 August 2019, <https://irfront.net/about-irf/introduction/>.

⁶³ “Introduction,” *Islamic Renaissance Front*.

⁶⁴ Tan Sri Dato' Haji Othman Bin Mustapha, “Kenyataan Media Ketua Pengarah Jakim Berkenaan Kenyataan Seorang Individu Dalam Program Anjuran IRF dan G25”, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

IRF dilihat membawa bentuk pembaharuan yang tidak selari dengan tradisi Islam yang diamalkan di Malaysia, yang berpegang kepada akidah Ahli Sunah Waljamaah. Gerakan ini cenderung untuk memperkenalkan pemikiran yang diambil daripada tokoh-tokoh liberalisme Islam dari dalam dan luar negara, yang sering kali bertentangan dengan kerangka epistemologi Islam tradisional. Dalam konteks ini, IRF bukan sahaja menjadi platform kepada penyebaran idea-idea liberal, tetapi juga berfungsi sebagai agen penyebaran falsafah pascamodenisme dalam wacana Islam di Malaysia.

Dalam isu pluralisme agama, IRF dilihat cenderung kepada pandangan bahawa semua agama adalah benar dan membawa kepada kebaikan yang sama. Walaupun Malaysia meraikan kepelbagaian agama dalam konteks sosial, dari sudut akidah Islam, pandangan ini bertentangan dengan prinsip tauhid yang menegaskan kebenaran mutlak Islam sebagai satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah.⁶⁵ Oleh itu, IRF boleh dikategorikan sebagai salah satu gerakan Islam liberal kontemporari di Malaysia yang dipengaruhi oleh falsafah pascamodenisme. Melalui pendekatan intelektual dan wacana terbuka, IRF telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan idea-idea yang mencabar autoriti agama dan struktur epistemologi Islam tradisional. Walaupun gerakan ini mendakwa membawa pembaharuan, pendekatan mereka menimbulkan persoalan besar tentang batas kebebasan tafsiran dan tanggungjawab terhadap kesinambungan tradisi keilmuan Islam.

25 August 2017, accessed on 10 August 2019, <https://www.islam.gov.my/en/media-statement/387-kenyataan-media-ketua-pengarah-jakim-berkenaan-kenyataan-seorang-individu-dalam-program-anjuran-irf-dan-g25>

⁶⁵ Tan Sri Dato' Haji Othman Bin Mustapha “Kenyataan Media Ketua Pengarah JAKIM”, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa gerakan Islam liberal di Malaysia seperti SIS, G25 dan IRF telah mengadaptasi pendekatan pascamodenisme dalam wacana keagamaan mereka. Pendekatan ini menolak konsep kebenaran mutlak yang menjadi asas epistemologi Islam, dan sebaliknya mengangkat relativisme sebagai prinsip utama. Dalam kerangka ini, kebenaran dianggap sebagai konstruksi sosial yang berubah mengikut konteks budaya dan kuasa. Gerakan ini mempersoalkan autoriti ulama tradisional dan membuka ruang kepada pelbagai tafsiran terhadap teks agama, termasuk dalam isu-isu sensitif seperti akidah, hukum dan moral. Walaupun ia dilakukan atas nama pembaharuan, pendekatan ini membawa implikasi besar terhadap struktur keilmuan Islam dan boleh mencetuskan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Tradisi keilmuan Islam sejak awal telah menolak relativisme mutlak. Tokoh seperti al-Ghazali dan Ibn Sina menegaskan bahawa kebenaran hanya dapat dicapai melalui gabungan akal dan wahyu, dan bahawa akal yang sihat akan membawa manusia kepada pengiktirafan terhadap kebenaran Ilahi yang bersifat mutlak. Oleh itu, sebarang usaha pembaharuan dalam Islam perlu berpaksikan kepada epistemologi Islam yang sahih agar tidak terjerumus ke dalam kekeliruan pemikiran yang boleh menggugat asas keimanan dan keutuhan umat.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia, Geran Penyelidikan Jangka Pendek dengan No. Projek: R501-LR-RND002-0000001708-0000 dalam membantu menyelesaikan projek ini.

Rujukan

- Ab Majid, Mohamad Kamil Hj. *Wasatiyyah Islam: Antara Liberalisme dan Konservatisme di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2011.
- Abd. Rahim, Rahimin Affandi. “Islam dan Perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka: Satu Analisis.” In *Emosi Melayu*, ed. Hashim Musa, 405–425. Kuala Lumpur: APMUM, 2006.
- Abd. Rahim, Rahimin Affandi. “Isu dan Pengaruh Orientalisme di Malaysia: Satu Analisa.” *Jurnal ‘Ulum Islamiyyah* 2(1) (2003).
- Abdul Amir, Mohammad Ikmal & Kamarul Azmi Jasmi. “Pengaruh Liberalisme Terhadap Budaya Kehidupan Muslim.” *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan* 6(2) (2024).
https://www.researchgate.net/publication/385631221_Pengaruh_Liberalisme_Terhadap_Budaya_Kehidupan_Muslim.
- Abdul Rahim, Adibah. “Liberal Islam and Its Threats to Muslims' Societies.” *Malaysian Journal for Islamic Studies* 10(1) (2026): 28-42.
- Abdul Rahman, Nur Farhana. “Autoriti Agama di Malaysia: Kedudukan dan kritikan.” *International Journal of Islamic Thought* 14 (2018): 72-85.
<https://doi.org/10.24035/ijit.14.2018.007>.
- Abdullah, Abdul Rahman. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Abu Zayd, Nasr Hamid. *Reformation of Islamic Thought*. Amsterdam: Amsterdam University Press, 2006.
- Abu Zayd, Nasr Hamid. *Rethinking the Qur'an: Towards a Humanistic Hermeneutics*. Amsterdam: Humanistics University Press, 2004.
- Ahmad Sunawari Long. *Sejarah Falsafah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

- Ahmad Zakuan, Ummu Atiyah. “Hak Asasi Manusia dan Demokrasi dari Perspektif Islam dan Barat.” In *Demokrasi dan dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, ed. Mohd Izani Mohd Zain. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1993.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. *Al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, trans. Ahmad Zaki Mansur Hammad. In “Abu Hamid al-Ghazali’s Juristic Doctrine in Al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul with a Translation of Volume One of al-Mustasfa min ‘Ilm al-Usul.” Ph.D Thesis. Chicago: The University of Chicago, 1987.
- Brown, Jonathan A. C. *Hadith: Muhammad’s Legacy in the Medieval and Modern World*. Oxford: Oneworld, 2009.
- Cox, Harvey. *The Secular City: Secularization and Urbanization in Theological Perspective*. New York: Macmillan Company, 1967.
- Gadamer, Hans-Georg. *Truth and Method*, trans. Joel Weinsheimer & Donald G. Marshall. London: Sheed & Ward, 1975.
- Gray, John. *Enlightenment’s Wake: Politics and Culture at the Close of the Modern Age*. London: Routledge, 1995.
- Gürkan, Senem. “The Junction Point of Islam and Feminism: SIS (Sisters in Islam), an Islamic Feminist Organization.” *Zeitschrift für die Welt der Türken* 10(1) (2018): 273-289.
<https://diwelttdertuerken.org/makale/6a058de988112>.
- <https://doi.org/10.37231/mjis.2026.10.1.306>
- Ismail, Ahmad Munawar & Stapa, Zakaria. “Liberalisme dan pemikiran pemimpin Muslim di Malaysia.” *Islamiyyat* 41(2) (2019): 39–49.
<https://journalarticle.ukm.my/15577/1/36936-116484-1-SM.pdf>.

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Rahimin Affandi Abdul Rahim.,
“Transformasi Islam Liberal dalam Konteks Pascamodenisme: Analisis Gerakan
Sosial di Malaysia,” *Afkār* Vol. 28 No. 1 (2026): 251-286

Islamic Renaissance Front. “Introduction.” *Islamic Renaissance Front*. <https://irfront.net/about-irf/introduction/>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. “Kenyataan media Ketua Pengarah JAKIM berkenaan kenyataan seorang individu dalam program anjuran IRF dan G25.” 25 August 2017. Accessed on 10 February 2026. <https://www.islam.gov.my/en/media-statement/387-kenyataan-media-ketua-pengarah-jakim-berkenaan-kenyataan-seorang-individu-dalam-program-anjuran-irf-dan-g25>.

K. S. Sieh dan S. Hadi Abdullah. *The Initiative for the Formation of a Malaysian Interfaith Commission: A Documentation*. Kuala Lumpur: Konrad Adenauer Stiftung, 2007.

Kurzman, Charles, ed. *Liberal Islam: A Sourcebook*. New York: Oxford University Press, 1998.

Locke, John. *The Second Treatise of Government*. Cambridge: Cambridge University Press, 1960.

Lyn, Boo Su-. “Called ‘Deviant’, Muslim scholar says was just challenging orthodox view on Quran.” *Malay Mail*, 26 August 2017. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2017/08/26/called-deviant-muslim-scholar-says-was-just-challenging-orthodox-view-on-qu/1451327>

Mahmud, Mohd Natsir. *Orientalisme: Al-Quran di mata Barat (sebuah studi evaluatif)*. Semarang: DIMAS, 1997.

Mohamad Kamil, Ibrahim Majdi, Mohd Khambali@Hambali, Khadijah & Wan Ramli, Wan Adli. “Falsafah Liberalisme di Malaysia: Satu Sorotan Awal.” *Online Journal of Research in Islamic Studies* 9(2) (2022): 61-72. <https://doi.org/10.22452/ris.vol9no2.4>

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Rahimin Affandi Abdul Rahim.,
“Transformasi Islam Liberal dalam Konteks Pascamodenisme: Analisis Gerakan
Sosial di Malaysia,” *Afkār* Vol. 28 No. 1 (2026): 251-286

- Mohamad Kamil, Ibrahim Majdi. “Daripada Falsafah Liberalisme kepada Pascamodenisme: Kajian Awal Peralihan Falsafah di Malaysia.” *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies (IJWCPS)* 1 (2024): 26-41.
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/article/view/4817>.
- Mohamad Kamil, Ibrahim Majdi. “Pandangan William R. Roff Terhadap Intelektual Melayu Muslim (Aliran Kaum Tua dan Kaum Muda) dalam Buku *The Origins of Malay Nationalism* dan Perkembangannya.” Dissertation of Master of Social Sciences, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017.
- Mohd Salleh, Norsaleha, Mohd Haridi, Noor Hafizah, Ismail, Ahmad Munawar, Mohd Noor, Mohd Shairawi. “Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia.” *Ijistra* 2(20) (2021): 96-103.
<https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.28>.
- Mustapa, Siti Wahidah & Abdul Kadir, Muhd Najib. “Tema utama pemikiran Muslim liberal.” *Jurnal Al-Ummah* 2 (2020): 1-16.
- Nordin, Munif Zarriruddin Fikri, Abdullah, Suhanim & Mansor, Marzalina. “Religious Liberalism in Sisters in Islam Discourse: An Analysis on Identification.” Paper presented in the International Conference on Social Science Research (ICSSR), Pulau Pinang, 4–5 June 2013.
https://www.researchgate.net/publication/306378445_RELIGIOUS_LIBERALISM_IN_SISTERS_IN_ISLAM_DISCOURSE_AN_ANALYSIS_ON_IDENTIFICATIO_N.
- Osman, Mohd Nor Adli. “Islam Liberal dan Tradisi Hadis: Dinamika Pemikiran di Malaysia dan Indonesia.” *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities* 33(1) (2026): 209–230.
<https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.1.10>
- Popper, Karl. *The Logic of Scientific Discovery*. London: Routledge, 2002.

- Qutb, Muḥammad. *Madāhib Fikriyyah al-Mu'āṣarah*. Cairo: Dār al-Shuruq, 1983.
- Rahman, Fazlur. *Islam and Modernity: Transformation of an Intellectual Tradition*. Chicago: University of Chicago Press, 1982.
- Ricoeur, Paul. *Interpretation Theory: Discourse and the Surplus of Meaning*. Fort Worth: Texas Christian University Press, 1976.
- Riddell, Peter. *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*. Singapore: Oxford University Press, 2001.
- Roff, William R. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967.
- Safi, Louay. *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*, trans. Nur Hadi Ihsan. Petaling Jaya: International Institute of Islamic Thought Malaysia, 1998.
- Said, Edward W. *Orientalism*. New York: Vintage Books, 1979.
- Sardar, Ziauddin. *Postmodernism and the Other: The New Imperialism of Western Culture*. London: Pluto Press, 1998.
- Sarwar, Malik Imtiaz. "The Interfaith Commission Initiative in Malaysia: We are committed to dialogue." *Aliran Monthly* 25(6) (2005). <https://m.aliran.com/archives/monthly/2005a/6g.html>.
- Schleiermacher, Friedrich. *Hermeneutics and Criticism and Other Writings*, ed. Andrew Bowie. Cambridge: Cambridge University Press, 1998.

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Rahimin Affandi Abdul Rahim.,
"Transformasi Islam Liberal dalam Konteks Pascamodenisme: Analisis Gerakan
Sosial di Malaysia," *Afkār* Vol. 28 No. 1 (2026): 251-286

- Shukri, Abdussalam Muhammad & Owoyemi, Musa Yusuf. "Sisters in Islam's Quest for the Reinterpretation of the Qur'an and Hadith: An Analysis of Their Views on Equality, Women Judges, and Polygamy." *Kajian Malaysia* 32(1) (2014): 55-80.
https://www.researchgate.net/publication/290042857_Sisters_in_Islam's_quest_for_the_reinterpretation_of_the_Qur'an_and_Hadith_An_analysis_of_their_views_on_equality_women_judges_and_polygamy.
- W. Dagang, Wan Ismail, Masroom, Mohd Nasir, Baharuddin, Ahmad Syukran, Mustari, Mohd Ismail. "Ancaman pemikiran aliran Islam liberal kepada umat Islam di Nusantara: Satu sorotan kajian." *Sains Humanika* 5(3) (2015): 77-85.
<https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.669>

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Rahimin Affandi Abdul Rahim.,
“Transformasi Islam Liberal dalam Konteks Pascamodenisme: Analisis Gerakan
Sosial di Malaysia,” *Afkār* Vol. 28 No. 1 (2026): 251-286